

KUALA LUMPUR, 4 SEPT. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI PERANAN PENGURUS-PENGURUS SEBAGAI AGEN PERUBAHAN AKAN MENJADI LEBIH KRITIKAL KEPADA PROSPEK PEMBANGUNAN MALAYSIA MEMANDANGKAN SUASANA EKONOMI ANTARABANGSA YANG TIDAK TETAP DALAM TAHUN-TAHUN 1980AN.

BERUCAP DI MAJLIS MAKAN MALAM ANJURAN INSTITUT PENGURUSAN PERJAWATAN MALAYSIA DI SINI, BELIAU BERKATA SETIAP PENGGEMBELINGAN PENGURUS DAN KEMAHIRAN MEREKA AKAN MENJADI BEGITU PENTING KEPADA PELUANG PEMBANGUNAN NEGARA DALAM TAHUN-TAHUN 1980AN SAMA SEPERTI DASAR-DASAR MENGALAKKAN EKSPORT ATAU MENINGKATKAN MODAL PELABURAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENYATAKAN PENGURUS-PENGURUS DALAM TAHUN 80AN TERPAKSA MENGHADAPI KESAN HEBAT AKIBAT SUASANA EKONOMI ANTARABANGSA YANG MEROSOT KEATAS PELUANG PERTUMBUHAN NEGARA.

TEGASNYA, +BAGI MENGEKALKAN PERTUMBUHAN MALAYSIA—YANG BEGITU SUKAR SEKIRANYA KITA INGIN MENCAPAI MATLANAT DASAR EKONOMI BARU—KITA MESTI MEMPUNYAI PENGURUS-PENGURUS YANG BOLEH TERUS MENGGUNAKAN PELUANG-PELUANG PELABURAN BARU, MENEROKA BIDANG AKTIVITI EKONOMI YANG BARU DAN YANG TIDAK TAKUT AKAN RISIKONYA.

+INI BERERTI MEREKA MESTI TERUS FLEKSIBEL, BERSEDIA UNTUK MENYAHUT CABARAN-CABARAN BARU DAN BOLEH MENCARI PENDEKATAN YANG MODEN TERHADAP MASALAH-MASALAH BARU.+

MAHATHIR-PENGURUS 2 KUALA LUMPUR

SAMBUTAN YANG BERJAYA TERHADAP PERMINTAAN EKONOMI NEGARA YANG SEDANG BERKEMBANG DALAM DUNIA ANTARABANGSA YANG SENTIASA BERUBAH TIALAH CABARAN PENGURUSAN DI MASA HADAPAN, KATA BELIAU.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA PERANAN PENGETAHUAN PENGURUSAN TIDAK HARUS DIPERKECIL-KECILKAN DENGAN MELIHAT PEMBANGUNAN HANYA DARI SEGI KEKURANGAN MODAL DAN SIMPANAN.

MENGENAI PEMBANGUNAN EKONOMI, BELIAU BERKATA DI MALAYSIA IA TIDAKHANYA TERHAD KEPADA PERTUMBUHAN EKONOMI SAHAJA TETAPI JUGA PENCAPAIAN KEADILAN SOSIAL, DAN INI TELAH MENYEBABKAN WUJUDNYA DASAR EKONOMI BARU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN PEMBANGUNAN EKONOMI TIMBULAH PROSES PEMINDAHAN AKTIVITI-AKTIVITI SECARA KECILAN YANG BERASASKAN KAWASAN LUARBANDAR KEPADA AKTIVITI YANG MEMPUNYAI KAWALAN TERHADAP SUMBER-SUMBER YANG BESAR.

MENYENTUH TENTANG PERTUKARAN KEADAAN MASYARAKAT DARI PROSES PEMBANGUNAN INI, BELIAU BERKATA SEMENTARA TERDAPAT BANYAK ASPEK-ASPEK NEGATIF BAGI KEMAJUAN TERSEBUT, ADALAH BENAR BAHAWA TIADA NEGARA YANG BOLEH MENIKMATI KEMERDEKAAN SEPENUHNYA MELAINKAN IA MEMPUNYAI SEKTOR INDUSTRI YANG MAJU.

—BERSAMBUNG 2125/AH

EE

B630

MAHATHIR-PENGURUS 3 KUALA LUMPUR

MENURUTNYA SEKIRANYA DALAM TAHUN 1965 HAMPIR 60 PERATUS DARI KELUARAN KASAR DALAM NEGERI BERASAL DARI SEKTOR UTAMA PERTANIAN DAN PERLOMBONGAN, MENJELANG TAHUN 1978 KADAR TERSEBUT TELAH BERKURANGAN SEBANYAK SEPARUH SEHINGGA KIRA-KIRA 30 PERATUS.

SEBALIKNYA SEKTOR PERKILANGAN YANG MENGELUARKAN 10 PERATUS DARI JUMLAH KELUARAN KASAR DALAM NEGERI DALAM TAHUN 1975 SEKARANG MENYUMBANG HAMPIR KIRA-KIRA 20 PERATUS.

MENURUT BELIAU, ASAS SUMBER ASLI TELAH MEMBERI NEGARA INI PERMULAAN YANG BAIK.

+PADA KESELURUHANNYA KEJAYAAN KITA MENCERMINKAN PELAKSANAAN YANG BERKESAN DASAR-DASAR PEMBANGUNAN DAN KEMAHIRAN GOLONGAN PENGURUSAN KITA YANG SEMAKIN BERKEMBANG,+ TAMBAH BELIAU.

—BERNAMA 2129/AH